

Nostalgia ^{BH -} 9/4/2006 penubuhan Umno 11 Mei

ALOR GAJAH: Sambutan ulang tahun Umno ke-60 yang akan diadakan di Johor Bahru, 11 Mei ini, akan berorientasikan gambaran nostalgia penubuhan parti itu sebagai kenangan lambang perjuangan semangat dan pembelean bangsa dan tanah air.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, berkata segala program akan dirancang Badan Perhubungan Umno Johor, manakala Ibu Pejabat Umno akan menyumbang pameran rentetan perjuangan bangsa yang sebelum ini pernah dipamerkan di Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan Pahang.

"Salah satu program penting adalah pemimpin bergambar di atas tangga istana lama...ini mesti diadakan, seperti mana ketika penubuhan Umno, 60 tahun lalu...ia tanda nostalgia dan akan disimpan di dalam Galeri Umno sebagai kenangan.

"Ini peristiwa bersejarah bangsa..kita akan pastikan gambar diambil dari sudut yang sama," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan kursus khas Setiausaha-setiausaha Umno cawangan empat peringkat anjuran Umno Cheras dekat sini, semalam.

Terdahulu, dalam ucapannya, Radzi berkata, penubuhan Umno adalah hasil perjuangan berani masyarakat Melayu ketika zaman pentadbiran British tanpa menggunakan senjata.

Beliau berkata, keberanian perwira bangsa ketika itu hanya bertujuan membela dan menyelamatkan bangsa Melayu dan tanah air.

Katanya, generasi pewaris mempunyai tanggungjawab berat untuk memastikan Umno terus relevan dan dapat membela nasib orang Melayu.

"Orang Melayu akan terus ketinggalan jika kita tidak mengejar ilmu," katanya.

Beliau berkata, setiap Umno Bahagian perlu memastikan anak Melayu di kawasan masing-masing berpelajaran bagi membolehkan mereka mampu bersaing.